

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S.SUBRAMANIAM
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : TUAN WILSON UGAK KUMBONG
[HULU RAJANG]
TARIKH : 12 JUN 2014
SOALAN :

Tuan Wilson Ugak Kumbong [Hulu Rajang] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan adakah terdapat pelan tindakan untuk mewujudkan skim bantuan kewangan untuk penduduk pedalaman Sarawak khususnya yang memerlukan rawatan hemodialisis yang tinggal jauh daripada pusat-pusat rawatan hemodialisis. Pesaki-pesakit ini memerlukan perbelanjaan yang banyak untuk berulang-alik ke pusat rawatan hemodialisis yang hanya terdapat di hospital bandar sahaja.

Tuan Yang di-Pertua,

Dalam usaha untuk memberi perkhidmatan kesihatan yang terbaik buat rakyat Negara ini, golongan rakyat miskin dan kurang berkemampuan yang mengalami penyakit ginjal tahap akhir (End Stage Renal Disease) diberi subsidi rawatan hemodialisis dan suntikan erythropoietin (EPO) apabila mendapat rawatan dan suntikan ini di pusat-pusat dialisis yang dikendalikan oleh Badan-Badan Bukan Kerajaan (NGO) yang berdaftar sebagai penerima subsidi tersebut.

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, pihak Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) tidak menyediakan skim bantuan kewangan kepada pesakit-pesakit pedalaman Sarawak khasnya yang tinggal jauh dari pusat bandar bagi tujuan saraan hidup mahupun tambang berulang-alik ke hospital kerajaan untuk mendapatkan rawatan. KKM sedia maklum bahawa pesakit-pesakit ini memerlukan perbelanjaan yang agak tinggi untuk menerima rawatan hemodialisis samada di hospital kerajaan atau pusat-pusat dialisis yang dikendalikan oleh NGO di pusat bandar. Namun demikian, bagi mengurangkan beban perbelanjaan pesakit ini, KKM telah menyediakan subsidi rawatan hemodialisis dan suntikan erythropoietin kepada pesakit miskin dan kurang berkemampuan pada kadar RM50 untuk setiap rawatan dialisis serta RM18.50 untuk suntikan erythropoietin di pusat-pusat dialisis NGO. KKM telah membelanjakan sebanyak RM284.51 juta untuk membiayai subsidi hemodialisis dan suntikan erythropoietin kepada 2,955

pesakit miskin dan kurang berkemampuan bagi tempoh 2001 hingga 2013 untuk 122 buah pusat dialisis di seluruh Negara. Bagi Negeri Sarawak, terdapat 7 buah pusat dialisis NGO telah disenaraikan sebagai penerima subsidi rawatan hemodialisis dan suntikan erythropoietin KKM di samping pusat-pusat dialisis di hospital kerajaan. Sejumlah 66 orang pesakit miskin dan kurang berkemampuan dari pusat hemodialisis NGO sedang menerima subsidi ini yang berjumlah RM10.71 juta bagi tahun 2001 hingga 2013.